

SYARAT-SYARAT KELULUSAN AKTIVITI TAMBAH NILAI

1. Aktiviti pengilangan seperti yang diluluskan di dalam Lesen Pengilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dan Lesen GPB di bawah Seksyen 65A Akta Kastam 1967 tidak boleh dihentikan.
2. Aktiviti tambah nilai adalah berhubungkait dengan aktiviti pengilangan utama.
3. Aktiviti tambah nilai ini hanyalah **aktiviti sampingan** sahaja yang mana nilai jualan barangan yang terhasil daripada aktiviti ini **tidak melebihi 40%** daripada nilai jualan tahunan syarikat.
4. **Produk / keluaran siap yang diluluskan bagi aktiviti tambah nilai hendaklah dikembalikan kepada pelanggan.** Walau bagaimanapun, penjualan ke kawasan FIZ dan LMW adalah dibenarkan dengan syarat digunakan sebagai bahan mentah bagi tujuan pengilangan syarikat berkenaan. Syarat dan kemudahan ini **tidak terpakai** untuk **aktiviti pelabelan, pembungkusan atau pembungkusan semula.**
5. Syarikat hendaklah;
 - 5.1 membuat pengasingan dari segi operasi / peralatan / kemudahan / mesin di antara aktiviti pengilangan dengan aktiviti tambah nilai di dalam premis kilang.
 - 5.2 menyimpan rekod yang teratur dan lengkap bagi bahan mentah / komponen yang diimport dan dieksport untuk semakan Jabatan Kastam.
 - 5.3 menyediakan akaun yang berasingan bagi aktiviti tersebut dan boleh diakses pada bilabila masa yang dikehendaki oleh Kastam Negeri / Stesen Kastam yang mengawal syarikat.
6. Syarat khusus untuk aktiviti berikut;
 - 6.1 Pelabelan, pembungkusan atau pembungkusan semula.**
 - a) Label negara asal pengeluaran (*country of origin*) tidak boleh diubah.
 - b) Aktiviti pelabelan yang dibenarkan adalah bermaksud keadaan di mana pengilang yang menjalankan aktiviti campuran atau pembungkusan semula yang menyebabkan perubahan formula isi kandungan ataupun bentuk pembungkusan. Dalam keadaan demikian, label baru yang menunjukkan maklumat serta bentuk pembungkusan terkini hendaklah dipamerkan.
 - 6.2 Pengilangan Semula, Pembaikan dan Perkhidmatan Servis.**
 - a) Sebarang bentuk pelupusan di dalam negara ke atas sisa hasil daripada aktiviti ini adalah tidak dibenarkan; dan
 - b) Produk yang gagal menjalani aktiviti tambah nilai ini hendaklah dipulangkan semula kepada pelanggan asal.
7. Pengecualian ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa tertakluk kepada dasar dan perundangan semasa. Jika duti / cukai berkenaan dikehendaki dibayar semula, maka semua duti / cukai yang telah dikecualikan hendaklah dibayar dalam masa 30 hari dari tarikh surat pemansuhan, pembatalan atau penarikan balik pengecualian.
8. Syarikat hendaklah mematuhi syarat / peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam dan undang-undang serta peraturan lain yang berkuat kuasa di Malaysia.
9. Syarat-syarat di atas boleh dipinda, ditambah dan diubahsuai dari semasa ke semasa jika didapati perlu.